

SEDEKAD TRAGEDI MH17



Sepuluh tahun sudah berlalu, namun tarikh 17 Julai 2014 masih segar dalam ingatan rakyat Malaysia sebagai tarikh keramat tragedi nahas MH17. Seluruh negara berdukacita dan berkongsi rasa sedih yang sama. Pada saat ini, kita masih lagi cuba memahami apakah sebenarnya yang telah berlaku kepada pesawat MH370 yang hilang tanpa khabar berita pada 8 Mac 2014? Empat bulan selepas itu, kita terpaksa pula menerima hakikat sebuah lagi pesawat milik negara ditembak jatuh. Bezanya, pada kali ini kita menemukan jawapan, tetapi dihadangkan pula dengan kesedihan dan kepiluan.

Mengimbau kembali detik hitam tersebut, pada tanggal 17 Julai 2014, pesawat MH17 Boeing 777-200 milik Penerbangan Malaysia (MAS) memulakan penerbangan dari Amsterdam, Belanda, ke Kuala Lumpur dengan membawa sebanyak 298 orang penumpang termasuk 15 kru dan 43 orang rakyat Malaysia. Laluan yang digunakan oleh MH17 merupakan laluan biasa yang turut digunakan oleh syarikat penerbangan antarabangsa yang lain. Tidak ada sebarang kecurigaan dan kerisauan. Penumpang juga melangkah ke dalam pesawat dengan perasaan gembira dan mungkin ada juga yang bersyukur kerana dapat pulang untuk bertemu dengan keluarga tercinta. Suasana di atas kapal tenang seperti biasa dan cuaca juga diramal dalam keadaan baik untuk meneruskan perjalanan seperti kebiasaannya.

Bak kata pepatah, air yang tenang jangan disangka tiada buaya. Tiba-tiba dalam keadaan yang tidak disangka-sangka, sebuah peluru berpandu BUK

buatan Rusia menghentam MH17 mengakibatkan pesawat tersebut hilang kawalan dan jatuh terhempas di Hrabove, Donetsk, Ukraine, berhampiran dengan sempadan Rusia. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Lembaga Keselamatan Belanda, iaitu badan yang bertanggungjawab menyiasat tragedi ini, serpihan MH17 tersebar di beberapa tapak berhampiran dengan perkampungan Hrabove, Rozsypne, dan Petropavlivka. Kawasan tersebut merupakan kawasan konflik bersenjata yang tercetus pada April 2014. Perjalanan yang penuh dengan harapan kini bertukar tragedi. Kesemua penumpang yang berada dalam pesawat tidak dapat diselamatkan. Dunia digemparkan dengan berita tersebut dan sudah tentu sebagai pemilik pesawat, Malaysia sangat terkesan dengan tragedi tersebut.

Susulan daripada kejadian tersebut, Perdana Menteri keenam, YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, mengarahkan agar siasatan segera dijalankan. Semua mata tertumpu pada Malaysia untuk mencari

jawapan di sebalik tragedi yang melanda. Pihak kerajaan bertindak bijak dengan menggunakan kaedah diplomatik bagi mendapatkan maklumat memandangkan lokasi nahas tersebut berada dalam kawasan yang bergolak. Keadaan ini terbukti berkesan apabila menerusi rundingan antara wakil kerajaan dengan Alexander Borudai, ketua kumpulan pemisah, pada 21 Julai 2014, negara berhasil mendapatkan kotak hitam dan mayat nahas yang terlibat. Kotak hitam itu kemudiannya dihantar ke Netherlands, dan kemudian ke Farnborough, barat daya London, untuk pemeriksaan data penerbangan. Jasad mangsa pula diterbangkan ke Eindhoven, Belanda, untuk proses pengecaman mayat mangsa bencana (DVI) dan siasatan jenayah.

Pada 23 Julai 2014, satu sidang khas Parlimen diadakan bagi membentangkan usul "Tragedi Malang Pesawat MAS MH17" untuk mengutuk sekeras-kerasnya pihak yang bertanggungjawab ke atas insiden ini. Pihak Kerajaan dan pembangkang mengenyepikan perbezaan politik dan sebulat suara menyokong usul tersebut. Laporan penuh nahas tersebut didedahkan oleh Lembaga Keselamatan Belanda kepada umum pada 13 Oktober 2015. Siasatan mendapati bahawa peluru berpandu BUK meletup di luar bahagian kiri kokpit pesawat berkenaan.

Selepas hampir enam tahun, pada 9 Mac 2020, kes MH17 akhirnya dibawa ke muka pengadilan dan mula dibicarakan di Kompleks Kehakiman Schipol, Amsterdam. Fasa prapenghakiman diselesaikan pada

25 November 2020. Pada 7 Jun 2021, perbicaraan substantif kes terhadap empat defendan bermula. Waris keluarga mangsa diberikan peluang untuk bercakap dalam kamar mahkamah. Selepas lebih setahun, iaitu pada 17 November 2022, mahkamah akhirnya mengeluarkan keputusan penghakiman. Tiga daripada empat tertuduh disabitkan dengan kesalahan dan dijatuhi hukuman mati. Ketiga-tiga mereka ialah Igor Vsevolodovich Girkin, bekas kolonel *Federal Security Service* (FSB), Perkhidmatan Keselamatan Persekutuan Rusia; Sergey Nikolayevich Dubinskiy, mantan pegawai tentera *Chief Intelligence Office* (GRU), perkhidmatan perisikan tentera Rusia dan Leonid Volodymyrovych Kharchenko, orang kanan kepada Dubinskiy.

Mereka disabitkan kesalahan atas dua pertuduhan, iaitu menyebabkan pesawat MH17 terhempas dan mengakibatkan kematian semua orang di dalamnya berdasarkan Artikel 168, Kanun Jenayah Belanda dan pembunuhan 298 orang dalam pesawat MH17 di bawah Perkara 289 Kanun Jenayah Belanda.

Semua persoalan sudah terjawab dan segala kekeliruan telah terungkai. Sememangnya insiden ini merupakan satu detik hitam dalam sejarah penerbangan negara, akan tetapi MAS terus bangkit dan membuktikan bahawa keadaan tersebut bukan penamatnya. Dari semasa ke semasa, prosedur keselamatan ditambah baik dan diperkemas demi keselamatan semua penumpang. 🇲🇾

*Untuk mengetahui perkara ini dengan lebih lanjut, carian maklumat bolehlah dibuat melalui <https://ofa.arkib.gov.my> dan <http://hids.arkib.gov.my>.

Rakaman Peristiwa Negara



Serpihan pesawat MH17 yang ditemukan di sekitar Hrabove, Donetsk, Ukraine. (Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2014/0016560W)



Rangka pesawat MH17 yang dibina semula untuk tujuan siasatan. (Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2023/0002714)



Contoh peluru berpandu BUK yang digunakan untuk menembak jatuh MH17. (Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2014/0016560W)



Kedadaan lokasi pesawat MH17 terhempas. (Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2014/0016560W)



Perdana Menteri keenam, YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, membentangkan usul "Tragedi Malang Pesawat MAS MH17" dalam satu sidang khas di Parlimen, Kuala Lumpur, pada 23 Julai 2014. (Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2014/0016566W)



Ahli Parlimen bertafakur mengingati mangsa insiden MH17 sewaktu pembentangan usul "Tragedi Malang Pesawat MAS MH17" dalam satu sidang khas di Parlimen, Kuala Lumpur, pada 23 Julai 2014. (Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2014/0016566W)